

Hanya Perdana Menteri boleh buat pengumuman

BH - 31/1/2019 m/s: 4

Putrajaya: Kabinet memutuskan hanya Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang boleh membuat sebarang pengumuman berkaitan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Sehubungan itu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata berdasarkan kenyataan Perdana Menteri kelmarin, projek itu masih dalam peringkat rundingan dengan mengambil kira sensitiviti kontrak itu.

“Buat masa ini, rundingan berlangsung antara ‘G to G’ (kerajaan dengan kerajaan),” katanya selepas menyampaikan cek RM20 juta ke-

pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk Kempen Beli Barangan Malaysia di sini, semalam.

Dengan itu, Guan Eng menggesa media supaya bersabar menunggu pengumuman rasmi kerajaan apabila tiba masanya.

Beliau juga tidak mengulas soalan mengenai laporan media bahawa kos projek ECRL akan dikurangkan hampir separuh kepada RM40 bilion berbanding anggaran kos semasa RM81 bilion.

“Saya di sini, hanya berbincang mengenai kepentingan rakyat Ma-



Tiada tempoh masa tertentu ditetapkan bagi rundingan semula projek berkenaan antara kedua-dua negara”

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan

laysia dan bukannya mengenai laporan (media) berkenaan,” katanya.

Tiada tempoh masa rundingan

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, tiada tempoh masa tertentu ditetapkan bagi rundingan semula projek berkenaan antara kedua-dua negara.

“Saya rasa biarlah perbincangan antara kedua-dua kerajaan berlangsung secara sulit dan perkara ini tidak harus dihebohkan,” katanya.

Ditanya sama ada kerajaan akan umumkan jumlah sebenar kos

projek itu selepas persetujuan dicapai kelak, Guan Eng berkata, beliau akan menjawab perkara itu apabila keputusan rasmi sudah dicapai.

“Buat masa ini, kita biarkan rundingan berjalan terlebih dahulu,” katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata belum ada keputusan muktamad dibuat berhubung projek ECRL, dan kedua-dua negara masih berunding mengenai perkara itu.

China Communications Construction Co Ltd (CCCC) ialah kontraktor utama projek rel mega itu.